

MINGGUAN MALAYSIA 10/11/2015

IPT gerak usaha tingkat kefahaman al-Quran

KUALA NERUS 10 Okt. - Institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini giat menggerakkan pelbagai inisiatif dan pendekatan ke arah meningkatkan kefahaman umat Islam mengenai isi kandungan kitab suci al-Quran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, penglibatan universiti mahupun pusat pengajian itu secara tidak langsung memudahkan ajaran al-Quran dihayati dan dibudayakan oleh segenap lapisan masyarakat.

"Al-Quran bukan sahaja diturunkan untuk dibaca dan dihafaz tetapi kandungan isinya mestilah dihayati kerana ia penuh dengan bahan-bahan pendidikan, penjelasan serta panduan mengenai setiap persoalan di dunia dan peristiwa di alam akhirat.

"Oleh itu, kerajaan sedang berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat melalui penglibatan pelbagai institusi termasuk IPT selaras untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi dan penyelidikan al-Quran serta hadis di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian Seminar al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari Peringkat Antarabangsa di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Yang hadir sama, Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim; Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA merangkap Pengerusi seminar itu, Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku

Ali; Timbalan Pengetahuan 1 (Penyelidikan dan Penerbitan) Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Dr. Mushaddad Hasbullah serta Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail.

Seminar selama dua hari anjuran Fakulti Pengajian

Kontemporari Islam UniSZA dengan kerjasama IWM itu antara lain membincangkan gagasan wasatiyyah yang digariskan al-Quran dalam setiap aspek kehidupan masyarakat di samping membentuk jaringan akademik tempatan dan antarabangsa.

Dalam perkembangan sama, Jamil Khir berkata, kerajaan turut memberi perhatian serius terhadap pendidikan al-Quran yang merupakan komponen daripada mata pelajaran Pendidikan Islam yang wajib dipelajari di peringkat sekolah rendah dan menengah.

"Selain itu, kita juga meneruskan tradisi penghafalan al-Quran melalui Institut Pengajian al-Quran di Bahagian Hal Ehwal, Jabatan Perdana Menteri.

"Para pelajarnya bukan sahaja menghafaz al-Quran tetapi juga memahami beberapa ilmu agama lain yang berkaitan," katanya.



JAMIL KHIR BAHAROM